



Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Tradewinds Plantation Berhad (TPB) percaya dan komited, sekadar termampu dipraktikkan dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerja, kontraktor, pelawat dan orang lain ditempat kerja.

Objektif ini boleh dicapai melalui:

- Pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- Pematuhan kepada semua Kod Amalan yang diluluskan dan berkaitan dengan industri perladangan dan perkilangan;
- Latihan yang kerap untuk mendidik pekerja berkenaan langkah kesihatan dan keselamatan dengan mewujudkan kesedaran dan amalan yang diperlukan untuk memastikan dan menggalakkan budaya kerja yang selamat dan sihat;
- Menyediakan maklumat dan arahan pekerjaan yang berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan kepada semua pekerja dengan sentiasa mengemaskini dan menguatkuasakan prosedur standard dan keselamatan tersebut;
- Memastikan semua pekerja mematuhi arahan keselamatan yang diberikan oleh pihak pengurusan dalam mematuhi keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan;
- Usaha berterusan termasuk menambahbaik polisi dan tatacara bagi mencapai perkara di atas.



Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed
Pengerusi Eksekutif
1st September 2021